

19 JUN 2002

MCA-Bimbang/I

KETUA PEMUDA MCA MELAHIRKAN KEBIMBANGAN TERHADAP NOTIS AGM

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Ketua pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat hari ini menyatakan kebimbangannya berhubung notis mesyuarat agung tahunan pemuda (AGM) pada 28 Jun, yang tidak memasukkan agenda tradisional dalam aturcara mesyuarat.

Beliau berkata notis itu yang dikeluarkan oleh jawatankuasa penyelia tiga anggota yang diketuai oleh Wang Choon Wing, tidak memasukkan ucapan pembukaan oleh Presiden MCA yang lazimnya merasmikan AGM Pemuda dan ucapama oleh ketua pemuda.

"Agenda tradisional ini tidak dimasukkan dalam notis mesyuarat yang dikeluarkan oleh jawatankuasa tiga anggota itu dan saya juga telah dimaklumkan yang minit-minit AGM pemuda tahun lepas tidak akan diedarkan (pada hari itu)," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda MCA di Wisma MCA di sini, hari ini.

Mesyuarat itu yang dihadiri oleh 12 daripada 20 anggota, merupakan yang pertama selepas Jawatankuasa Pusat menggantung Jawatankuasa Pusat Pemuda pada 19 Dis ekoran pergaduhan yang tercetus di AGM Pemuda pada 3 Ogos lepas.

Ekoran penggantungan itu, jawatankuasa pusat itu melantik jawatankuasa penyelia yang diketuai oleh Wang untuk mengambil alih fungsi jawatankuasa pusat Pemuda.

Ong berkata beliau juga menerima pelbagai aduan yang bahagian-bahagian tertentu Pemuda, yang masih belum dapat mencapai kata sepakat mengenai senarai tunggal anggota jawatankuasa telah diberikan notis oleh jawatankuasa tiga anggota itu untuk menghadiri AGM Pemuda itu.

"Terdapat kes-kes di Johor, Selangor dan Pulau Pinang yang senarai perwakilannya masih belum disahkan belum lagi kerana gagal mencapai kata sepakat, tetapi mereka diminta menghadiri AGM.

"Siapa yang mengesahkan senarai perwakilan ini kita tidak tahu," kata Ong.

Mengenai mesyuarat exco pemuda hari ini, Ong berkata pemuda MCA akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang diketuai Wee Ka Siong (Pengerusi Biro Kajiselidik dan Strategik Pemuda MCA) untuk mengkaji secara mendalam mengenai masalah pelajar Cina memasuki Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

"Kita nak buat kajian mendalam kerana mengikut sistem merit, nampaknya terdapat kemerosotan bilangan pengambilan pelajar Cina, kita nak tahu sebab-sebabnya," kata beliau.

Ong juga berkata mesyuarat juga bersetuju meneliti 39 kes aduan pelajar cemerlang SPM (8A sehingga 10A) yang memohon biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melanjutkan pelajaran tetapi sehingga kini belum dapat jawapan atau ditolak permohonan mereka.

Selain itu, mesyuarat exco pemuda MCA turut menyambut baik keputusan Jemaah Menteri memberikan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) serta kursus-kursus matrikulasi.

"Kami sebulat suara turut menyokong cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai penghantar dalam matapelajaran sains dan matematik di sekolah rendah dan menengah," katanya.

Mesyuarat Pemuda MCA hari ini turut menetapkan di bawah pelan damai yang dikemukakan Dr Mahathir, sebarang kekosongan akibat had umur perlu diisi melalui rundingan dan sekiranya tiada kata sepakat dicapai,

kekosongan itu tidak diisi.

Ong juga ditanya pemberita mengenai keputusan jawatankuasa sembilan anggota mengenai pelaksanaan pelan damai MCA semalam, yang melantik Naib Presiden Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy membantu menyelesaikan masalah senarai kepimpinan Pemuda MCA 2002 sehingga 2005.

"Saya terkejut untuk mendapat tahu mengenainya, sehingga sekarang saya tidak tahu terma rujukannya," katanya.

-- BERNAMA

AT AFY PR